



SIARAN AKHBAR
KURSUS SINGKAT BAHASA ISYARAT UNTUK BERKOMUNIKASI DENGAN
ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) PENDENGARAN

Bandar Seri Begawan, Ahad 26 Ogos 2018 – Unit Sukarelawan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah menganjurkan Kursus Singkat Bahasa Isyarat hari ini di Dewan Imtiyaz, Pusat Bahagia, Kampung Pulaie yang dihadiri oleh 32 orang peserta terdiri dari sukarelawan Berdaftar dibawah JAPEM.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada para sukarelawan mengenai isu pendengaran serta penggunaan dan kepentingan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan Orang Kelainan Upaya (OKU) Pendengaran. Kursus ini dikendalikan oleh dua orang pemudahcara daripada Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan iaitu Dayang Widiafalena binti Haji Surhan dan Dayang Hajah Mariani Abdullah, Pegawai Pelajaran Penyelaras Perkhidmatan Bantuan Khusus Sensori Pendengaran.

Para peserta mempelajari penggunaan bentuk tangan (*hand shapes*) untuk mengeja huruf abjad dan nombor, cara memberikan ucapan salam dan pertanyaan dalam bahasa isyarat. Kemudian diikuti dengan aktiviti cara menghalusi bahasa isyarat dengan betul dan lancar seperti cara mengenalkan diri, keluarga, kalender dan masa. Para peserta juga mempelajari bahasa isyarat menggunakan kata kerja, perasaan, warna, makanan dan minuman, bangunan, tempat dan objek.

Kursus ini diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para pemudahcara yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Khairul Ariffin bin Haji Abd. Aji, Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat dan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada peserta-peserta kursus.

Dengan adanya kursus berfaedah ini adalah diharapkan dapat memperkasa para sukarelawan JAPEM untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan OKU Pendengaran agar membolehkan mereka untuk mengadakan perhimpunan, kegiatan, aktiviti riadah, pendidikan dan sebagainya bersama OKU.

##Tamat##

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 14 Zulhijjah 1439 / 26 Ogos 2018